

## **Konsep *Wasatiyyah* Dalam Menangani Isu Perpecahan: Analisis Terhadap Hadis *Iftirāq al-Ummah***

Oleh:

Mohd Zohdi Amin.<sup>1</sup>  
A. Irwan Santeri Doll Kawaid<sup>2</sup>  
Ishak Suliaman<sup>3</sup>  
Mohamed Akhiruddin Ibrahim<sup>4</sup>

### **ABSTRAK**

Perpecahan umat Islam dari sudut akidah kepada 73 puak telah diberitakan oleh Rasul akhir zaman melalui sebuah hadis yang dikenali sebagai hadis *Iftirāq al-Ummah*. Hadis ini turut menjelaskan bahawa wujudnya satu puak yang berada dalam kebenaran yang dinamakan sebagai *al-Firqah al-Nājiyah*. Justeru itu, banyak puak yang mendakwa diri masing-masing sebagai *al-Firqah al-Nājiyah*, sekaligus melontar kesesatan terhadap pihak yang bertentangan dan berlainan aliran. Kajian terhadap hadis ini menonjolkan ciri khusus yang dimiliki oleh *al-Firqah al-Nājiyah*, iaitu bersifat *Wasatiyyah* dari sudut manhajnya. Kertas kerja ini membincangkan bagaimana ciri *Wasatiyyah* ini berperanan dalam menjadikan *al-Firqah al-Nājiyah* ini terselamat daripada kesesatan, khususnya dari sudut Akidah. *Wasatiyyah* menghindarkan dari sifat *ifrat* dan *tafrīt* atau pelampau agama. Ianya merupakan metode Ahli Sunnah Wal Jamaah sepanjang zaman dan sekaligus melayakkannya menjadi *al-Firqah al-Nājiyah* sebagaimana dimaksudkan oleh hadis *Iftirāq al-Ummah*. Metode *wasatiyyah* ini dapat dijadikan sempadan dalam mengenali fahaman atau gerakan yang bercanggah dengan tuntutan syarak. Kembali kepada metode *wasatiyyah* dapat merapat jurang perselisihan pendapat dalam memahami agama sekaligus menjayakan penyatuan ummah. *Al-Wasatiyyah* hanya dapat direalisasikan dengan adanya sifat ikhlas dalam beragama. Justeru pentingnya penekanan terhadap pembentukan generasi ikhlas melalui kaedah tasawuf yg sejati.

**Keywords:** Hadis *Iftirāq Ummah*, *Wasatiyyah*, *al-Firqah al-Najiyah*, Perpaduan Ummat, Ikhlas

---

<sup>1</sup> Mohd Zohdi Bin Mohd Amin. PhD, adalah pensyarah kanan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. 71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. Emel: [zohdi@usim.edu.my](mailto:zohdi@usim.edu.my); [zohdi@hotmail.com](mailto:zohdi@hotmail.com). (Hp) 012-2612396. (Pej) 06-7986729. (Faks) 06-7986702.

<sup>2</sup> A. Irwan Santeri Doll Kawaid. PhD, adalah pensyarah kanan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. 71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. Emel: [a.irwan@usim.edu.my](mailto:a.irwan@usim.edu.my); (Hp) 013-6069775. (Pej) 06-7986744. (Faks) 06-7986702.

<sup>3</sup> Ishak Suliaman, PhD, adalah Profesor Madya, di Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

<sup>4</sup> Mohamed Akhiruddin Ibrahim. PhD, adalah pensyarah kanan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. 71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. Emel: [akhiruddin@usim.edu.my](mailto:akhiruddin@usim.edu.my). (Pej) 06-7987052.

## 1.0 PENGENALAN

Setelah sekian lama umat Islam diselubungi gerhana kemerosotan dan kemunduran, kini telah mula terbit sinar kebangkitan umat Islam. Di tengah-tengah kerancakan umat Islam menyusun strategi bagi mengembalikan kegemilangan Islam, langkah mereka dibelenggu oleh masalah perpecahan. Semakin giat usaha ke arah perpaduan dilakukan semakin jauh pula jurang di antara pihak-pihak yang bertelagah. Ini berikutan sikap mereka yang lekas menuding jari ke arah kesalahan pihak lawan yang tidak sealiran. Tanpa disedari segala usaha dan tindakan mereka ini mengakibatkan retak menjadi belah

Demi kasih sayang Rasulullah *s.a.w* terhadap umatnya, Baginda tidak membiarkan umatnya terkapai-kapai mencari haluan sendiri setelah pemergiannya. Bahkan, segala bentuk kebaikan terlebih dahulu diisyaratkan dan diperjelaskan sejelas-jelasnya. Tiada satu bentuk bala bencana yang bakal menimpa dirahsiakan, melainkan terlebih dahulu diberi amaran serta diberitakan penawarnya.

Begitu juga dengan hakikat perpecahan umat Muḥammad *s.a.w*. Ianya telahpun terlebih dahulu diberi amaran agar dijauhi. Di samping itu, Baginda turut meletak garis panduan yang ampuh untuk menangani bibit perpecahan serta mengelakkannya dari terus merebak. Tidak memadai dengan itu, Baginda turut mengisyaratkan jalan keluar kepada kemelut perpecahan yang dihadapi. Kesemua panduan tersebut terpelihara di dalam koleksi *sunnahnya*. Bertitik tolak dari kesedaran umat Islam terhadap kekayaan khazanah *al-Sunnah* sebagai pedoman hidup, ramai di kalangan para pendukung dakwah telah mula beralih kepada *al-Sunnah* bagi memanipulasikannya dalam menangani masalah perpecahan yang sedang melanda dunia Islam. Ketika merujuk koleksi *al-Sunnah*, mereka temui sebuah hadis yang dikenali dengan *Ḥadīth Iftirāq al-Ummah*, iaitu perkhayaban Nabi Muhammad *s.a.w* tentang perpecahan umat yang akan berlaku setelah pemergiannya, Baginda *s.a.w* bersabda:

وسبعين فرقة، وتفترق أمتي على "افتترقت اليهود على إحدى أو اثنتين وهي: (2) كلها في النار إلا واحدة وهي: الجماعة اثلاث وسبعين فرقة " 2 وهي: ما أنا عليه وأصحابي<sup>1</sup> السواد الأعظم

<sup>1</sup> Aḥmad Ibn Ḥanbal, *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*, (hadis: 8194), Dār Iḥyā' al-Turāth al-ʿArabī, Beirut, t.th., jil. 2, hlm. 636.

<sup>2</sup> Ibn Mājah, Muḥammad bin Yazid al-Qazwaynī, *Sunan Ibn Mājah* [dengan syarah: al-Sindī, Abī Ḥasan al-Ḥanafī], (k) *al-Fitan* (b) *Iftirāq al-ummam*, (hadis: 3992), Dār al-Maʿrifah, Beirut, 1997, cet.4, jil. 4, hlm. 352.

Maksudnya:

“Orang-orang Yahudi telah terpecah kepada tujuh puluh satu atau tujuh puluh dua puak dan umatku terpecah kepada tujuh puluh tiga puak, kesemuanya di neraka kecuali satu puak, iaitu: kelompok manusia yang ramai (yang disatukan oleh matlamat yang satu)<sup>3</sup> – atau -: kelompok manusia yang ramai dan merupakan golongan yang terbesar,<sup>4</sup> – atau -: (mereka yang mengikut) apa yang Aku dan Sahabat-Sahabatku lakukan”.

Hadis *Iftirāq al-Ummah* ini adalah merupakan di antara hadis-hadis Nabi yang paling jelas menyebut hakikat perpecahan umat sebagaimana yang sedang melanda dunia Islam hari ini. Lafaz hadis yang ringkas dan padat ini mengandungi hikmah yang tersurat dan tersirat. Melalui penghayatan yang penuh insaf, ianya dipercayai dapat mengungkai kemelut perpecahan yang sedang melanda umat Islam. Hadis ini merangkumi gambaran am berhubung perpecahan umat Muhammad, anasir pencetus serta alternatif yang perlu diambil ketika berhadapan dengan ancaman perpecahan.

Lantaran itu, hadis ini penting untuk direnungi oleh umat Islam hari ini. Satu usaha bersungguh-sungguh sewajarnya diuruskan untuk mengkaji hadis ini sekaligus mencungkil rahsia dan hikmah yang tersembunyi. Hasilnya diaplikasikan sebagai panduan untuk menangani masalah perpecahan. Selain itu dapat mengelakkan usaha ke arah perpaduan yang dilakukan agar tidak menjadi sia-sia umpama *tikus membaiki labu*.

## **2.0 SIKAP CENDIKIAWAN ISLAM TERHADAP HADIS IFTIRĀQ AL-UMMAH**

Para intelektual Islam berselisihan pendapat berhubung status kesahihan hadis ini. Ada pihak menerima hadis ini sebagaimana diperkhabarkan, lantas ditafsirkan dengan tafsiran yang secocok dengan aliran fahaman masing-masing. Keadaan menjadi tegang apabila banyak pihak mendakwa berada di atas kebenaran serta melemparkan kesesatan terhadap pihak yang tidak sealiran. Tindakan tersebut dilihat sebagai suatu yang merugikan umat Islam bahkan merumitkan usaha penyatuan semula umat Islam. Justeru, ada pihak lain mengambil jalan

---

<sup>1</sup> Ibn Ibī ʿĀṣim, Abī Bakr ʿAmr, *Kitab al-sunnah*, [al-Albānī, Muḥammad Naṣr al-Din (pngr)] (hadis: 68) al-Maktab al-Islamī, Beirut, 1994, cet. 3, hlm. 34.

<sup>2</sup> al-Turmudhī, Abī ʿIsā Muḥammad bin ʿIsā, *Sunan al-Turmudhī*, [al-Mubārakfūrī, Muḥammad ʿAbd al-Raḥmān bin ʿAbd al-Raḥīm, *Tuhfah al-ahwadhī bi sharḥ Jāmiʿ al-Turmudhī*] (k) *al-Īmān*, (b) *Mā jāʿa fi al-iftirāq ḥādḥā al-ummah*, (hadis: 2778) Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, Beirut, 1995, jil. 7, hlm. 332.

<sup>3</sup> Mustafā, Ibrāhīm, al-Ziyāt, Ahmad Ḥasan, ʿAbd al-Qādir, Ḥāmid dan al-Najjār, Muḥammad ʿAli, *al-Muʿjam al-wasīt*, Dār al-Daʿwah, Istanbūl, 1989, cet. 4, jil. 2, hlm. 887.

<sup>4</sup> al-Rāghib, al-Ḥusayn bin Muḥammad, *Muʿjam mufradat alfāz al-Qurān*, Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 1997, hlm. 278.

pintas dengan menolak kesahihan hadis ini sepenuhnya. Ianya dilabel sebagai *ḥadīth mawḍūf* serta dianggap sebagai penyumbang kepada perpecahan.

Di satu pihak yang lain cuba mengambil jalan tengah dengan menerima hadis *Iftirāq* yang mempunyai lafaz yang bertentangan, iaitu: (... كلها في الجنة إلا فرقة...). Kelemahan sanad hadis tidak diambil peduli berikutan pengertiannya yang dianggap lebih positif. Masalah ini perlu diselesaikan mengikut metode kajian ahli-ahli hadis. Sedia maklum, bahawa penerimaan sesebuah hadis atau penolakannya perlulah terlebih dahulu merujuk kekuatan *isnād* hadis serta kesahihan matannya.

### **3.0 STATUS KESAHIHAN HADIS *IFTIRĀQ AL-UMMAH***

Hadis *Iftirāq al-Ummah* ini diriwayatkan di dalam kitab-kitab hadis melalui rangkaian *isnād* yang banyak dan pelbagai *ṭuruq*. al-Imam al-Sakhāwī menjelaskan bahawa hadis ini telah diriwayatkan oleh empat belas orang Sahabat Nabi, iaitu: Abū Hurayrah, Sa<sup>°</sup>d bin Abī Waqqāṣ, Ibn <sup>°</sup>Umar, <sup>°</sup>Awf bin Mālik, Anas, Jābir, Abū Umāmah, <sup>°</sup>Abdullah bin <sup>°</sup>Amr, Ibn Mas<sup>°</sup>ud, <sup>°</sup>Alī, <sup>°</sup>Amr bin <sup>°</sup>Awf, <sup>°</sup>Uwaymir Abū al-Dardā', Mu<sup>°</sup>āwiyah dan Wāthilah.<sup>1</sup> Imam al-Zayla<sup>°</sup>ī telah melakukan *takhrīj* terhadap riwayat-riwayat para Sahabat tersebut secara ringkas di dalam karangannya berjudul "*Takhrīj ahādīth wa al-āthār al-wāqī'ah fī tafsīr al-kashshāf – al-Zamakhsharī*".<sup>2</sup>

Riwayat hadis ini melalui sembilan sahabat berkenaan melalui sanad yang lemah atau terlalu lemah. Manakala lima yang selebihnya melalui periwiyatan yang agak kuat sandarannya. Hadis yang dimaksudkan ialah hadis Abu Hurairah, Abu Umamah, Anas Bin Malik, 'Awf Bin Mālik dan Mu'awiyah bin Abu Sufiyan r.a. Makalah ini hanya akan menjelaskan hadis yang mempunyai sandaran yang kuat sahaja.

Menurut hadis yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah r.a, Rasulullah s.a.w bersabda:

" افتترقت اليهود على إحدى أو اثنتين وسبعين فرقة، وتفترق أمتي على ثلاث وسبعين فرقة "

<sup>1</sup> al-Sakhāwī, Muḥammad bin <sup>°</sup>Abd al-Raḥmān, *al-Maqāsid al-ḥasanah*, Dār al-Hijrah, Beirut, 1986, hlm. 159.

<sup>2</sup> al-Zayla<sup>°</sup>ī, <sup>°</sup>Abdullah bin Yūsuf bin Muḥammad, *Takhrīj ahādīth wa al-āthār al-wāqī'ah fī tafsīr al-kashshāf – li al-Zamakhsharī*, Dār Ibn Khuzaymah, al-Riyaḍ, 1994, jil. 1, hlm. 447.

Hadis Abu Hurayrah, ini adalah hadis sahih sebagaimana di iktiraf oleh al-Turmudhī, sebagaimana yang telah dinukilkan oleh al-Mundhirī dan beliau sendiri sependapat dengan al-Turmudhī.<sup>1</sup> Namun Imam al-Turmudhī di dalam *Sunannya* berkata; “hadis Abī Hurayrah hadis *ḥasan ṣaḥīḥ*”.<sup>2</sup> Ibn Ḥibbān turut menyenaraikan hadis Abu Hurayrah ini di dalam kitab *Ṣaḥīḥmya*.<sup>3</sup> al-Ḥākim berpendapat bahawa ia sahih mengikut syarat Imam Muslim.<sup>4</sup> Iaitu dengan adanya *shawāhid* daripada hadis Mu‘āwiyah bin Abī Sufian.<sup>5</sup> Kenyataan beliau disokong oleh al-Dhahabi.<sup>6</sup> al-Bayhaqī turut mengiktiraf kesahihan hadis Abū Hurayrah dan lain-lain riwayat sebagaimana dinukilkan oleh al-Zarkashī.<sup>7</sup> Begitu juga pendapat al-Mundhirī,<sup>8</sup> al-Shāṭibī<sup>9</sup> dan al-Suyūṭī, bahkan al-Suyūṭī turut mengangkatnya sebagai hadis *mutawatir* sebagaimana dinukilkan oleh al-Manāwī.<sup>10</sup> Murtaḍa al-Zabīdī mengatakan bahawa ianya telah diriwayatkan oleh perawi-perawi yang *mawthūqun*.<sup>11</sup> Manakala di kalangan penganalisis hadis kontemporari, Aḥmād bin Muḥammad Shākir,<sup>12</sup> Abū ‘Abd al-Raḥmān Muqbil bin Hādī al-Wādī<sup>13</sup> dan Shu‘ayb al-Arna‘ūt<sup>14</sup> turut telah menghukum hadis ini secara umumnya sebagai *ṣaḥīḥ*.

Hadis ini melalui riwayat Abu Hurairah r.a tidak menjelaskan siapakah puak yang terselamat atau *al-firqah al-najiyah*. Penjelasan tentang *al-firqah al-najiyah* terdapat dalam riwayat Anas Bin Malik, ‘Awf Bin Mālik dan Mu‘awiyah bin Abu Sufiyan r.a. iaitu dengan lafaz: (الجماعة). Manakala hadis Abu Umamah dengan lafaz: (السواد الأعظم).

<sup>1</sup> al-Mubarakfuri, Muhammad ‘Abd al-Rahman bin ‘Abd al-Rahim. (1995). *Tuhfah al-ahwadhī bi sharh Jami’ Jami’ al-Turmudhī* (syarah). Beirut. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah. j. 7, h. 332.

<sup>2</sup> al-Mubārakfūrī, Tuḥfah al-ahwadhī, j. 7, h. 332.

<sup>3</sup> *Ibid.* j. 14, h. 140.

<sup>4</sup> al-Hakim, Abi ‘Abdullah al-Nisaburi. (1990). *al-Mustadrak ‘ala al-sahihayn* (bersama: al-Dhahabi. al-Talkhis). Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah. j. 1, h. 336.

<sup>5</sup> al-Hakim. *al-Mustadrak ‘ala al-sahihayn*. j. 1, h. 218.

<sup>6</sup> *Ibid.* j. 1, h. 151.

<sup>7</sup> al-‘Ajluni, Isma‘il bin Muhammad. (1997). *Kashf al-khafa’ wa muzil al-ilbas ‘amma ishtahara min al-ahadith ‘ala alsinah al-nas*. Beirut: Mu‘assasah Manahil al-‘Irfan. h. 277.

<sup>8</sup> al-Mubārakfūrī, Tuḥfah al-ahwadhī, j. 7, h. 332.

<sup>9</sup> al-Shāṭibī, Ibrāhīm bin Musa. (1997). *al-‘Itisām. Ṭa‘muh*, Mahmud Halabi (tahqiq). Beirut: Dar al-Ma‘rifah. h. 458.

<sup>10</sup> al-Munawi, Muhammad bin ‘Abd al-Ra‘uf. (1980). *Fayd al-qadir sharh al-jami’ al-saghir min ahadith al-bashir*. Beirut: Dar al-Fikr. j. 2, h. 21.

<sup>11</sup> Murtada, Muhammad bin Muhammad al-Husayni. (1994). *Ithaf al-sadah al-muttaqin*. Dimashq: Dar al-Fikr. j. 8, h. 141.

<sup>12</sup> Lihat notakaki Aḥmad bin Ḥanbal. (1995). *Musnad al-Imam Aḥmad bin Ḥanbal*. Shākir. Aḥmad bin Muḥammad (*taḥqīq*). al-Qāhirah: Dār al-Ḥadith. j. 7, h. 33.

<sup>13</sup> al-Wādī, Muqbil bin Hadi. (1991). *al-Sahih al-musnad minma laysa fi al-sahihayn*. San‘a’: Maktabah al-Quds. j. 1, h. 353.

<sup>14</sup> al-Arna‘ūt, Shu‘ayb. (1997). *Mausu‘ah al-hadithiyyah*. Beirut: Mu‘assasah al-Risalah. j. 19, h. 241.

Keempat-empat riwayat ini mempunyai sandaran yang kuat. Menurut Zayn al-Dīn al-‘Irāqī sanad hadis Anas sebagai “*asānīduhā jiyād*”.<sup>1</sup> al-Būṣīrī dan Murtaḍa al-Zabīdī. pula berpendapat bahawa riwayat Anas (melalui *ṭarīq* Qatādah) adalah *ṣaḥīḥ isnād* dan *rijāl* sanadnya adalah *thiqat*.<sup>2</sup> Mengulas tentang riwayat Anas (melalui *ṭarīq* Sa‘īd bin Abī Hilal) Ḥamzah Aḥmad al-Zayn berkata; “*Isnādnya ḥasan* kerana di dalamnya terdapat Ibn Lahī‘ah”.<sup>3</sup> Menurut Shu‘ayb al-Arna‘ūt pula berpendapat bahawa riwayat Anas (melalui *ṭarīq* Sa‘īd bin Abī Hilal) *ṣaḥīḥ* dengan adanya *shawāhid*, *ṭarīq* ini pada asalnya *ḍa‘īf* kerana di dalamnya terdapat *Ibn Lahī‘ah*, beliau adalah perawi yang *ḍa‘īf* hafalannya.<sup>4</sup>

Menurut Zayn al-Dīn al-‘Irāqī, hadis riwayat ‘Awf Bin Mālik R.A (melalui *ṭarīq* Rāshid bin Sa‘d), adalah elok, dengan katanya: “*asānīduhā jiyād*”.<sup>5</sup> Kesemua *rijāl* sanadnya *thiqat* kecuali Rāshid bin Sa‘d dan ‘Ibād bin Yūsuf. Sekumpulan ahli hadis telah menganggap Rāshid sebagai perawi yang *thiqat* tetapi banyak *irsāl*. Manakala ‘Ibād pula, merupakan seorang perawi yang kurang popular di dalam periwayatan hadis. Ibn Ḥibbān telah menyenaraikan ‘Ibād di dalam kitabnya *al-Thiqāt*.<sup>6</sup> Menurut al-Būṣīrī Rāshid bin Sa‘d, beliau adalah *ṣadūq*”, tetapi ianya mempunyai *shawāhid*<sup>7</sup> daripada hadis Abū Hurayrah, bahkan oleh periwayatan sekumpulan sahabat yang saling menguatkan antara satu sama lain.

Hadis Riwayat Mu‘āwiyah Bin Abī Sufiyan R.A, turut menyatakan bahawa *al-Firqah al-Najiyah* adalah (الجماعة). Hadis ini diiktiraf sebagai sahih oleh al-Ḥakim<sup>8</sup> dan disepakati oleh al-Dhahabī.<sup>9</sup> al-‘Irāqī pula telah mengiktiraf keelokan sanadnya secara umum dengan katanya; “*asānīduhā jiyād*”.<sup>10</sup> ‘Alī Muḥammad Jammāz mengatakan bahawa hadis Mu‘āwiyah (melalui *ṭarīq* Abū al-Mughīrah) *isnādnya ṣaḥīḥ*.<sup>11</sup>

<sup>1</sup> al-‘Irāqī, Abī al-Fadl Zayn al-Dīn ‘Abd al-Raḥīm bin al-Ḥusayn, al-Mughnī ‘ala hamāl al-asfār fī al-asfār fī takhrīj mā fī al-ihyā’ min al-akhbār, Dār al-Thaqāfah, al-Ḍawḥah, 1990, j. 2, h. 884.

<sup>2</sup> al-Būṣīrī, Miṣbāḥ al-zujājah, j. 3, h. 238. Murtaḍa, Itḥāf, j. 8, h. 141.

<sup>3</sup> al-Zayn, (Nota kaki) Musnad Imam Aḥmad, j. 10, h. 471.

<sup>4</sup> al-Arna‘ūt, al-Mauṣu‘ah al-ḥadithiyah, j. 19, h. 241.

<sup>5</sup> al-‘Irāqī, al-Mughnī, j. 2, h. 884.

<sup>6</sup> al-Mizzī, Tahdhīb al-kamāl, j. 14, h. 179.

<sup>7</sup> al-Būṣīrī, Miṣbāḥ al-zujāj, j. 3, h. 238.

<sup>8</sup> al-Ḥakim, al-Mustadrak, j. 1, h. 336.

<sup>9</sup> al-Dhahabī, al-Talkhīṣ, (Dlm. nota kaki: al-Mustadrak), j. 1, h. 336.

<sup>10</sup> al-‘Irāqī, al-Mughnī, j. 2, h. 884.

<sup>11</sup> Aḥmad bin Ḥanbal, Musnad al-shāmiyyīn min musnad Aḥmad bin Ḥanbal, Jammāz, ‘Alī Muḥammad (pnys.), Dār al-Thaqāfah, Dawḥah, 1990, j. 1, h. 167.

Namun begitu, Ibn al-Wazīr,<sup>1</sup> al-Saqqāf,<sup>2</sup> dan al-Qaraḍāwī,<sup>3</sup> berpendapat bahawa kesemua *isnād* Mu'āwiyah ini *ḍa'if* didalamnya terdapat Azhar bin 'Abdullah al-Harāzī. Azhar dianggap *ḍa'if* kerana penglibatannya dengan golongan yang mencerca Saydina 'Alī. Sejurus daripada itu Ibn al-Jārūd telah menyenaraikannya di dalam kitab *al-Du'afā'*, manakala Abu Dāwud pula pernah menyatakan bahawa beliau amat membenci Azhar al-Harāzī.<sup>4</sup> al-Bukharī telah mengesahkan bahawa Azhar bin 'Abdullah sebagai individu yang sama dengan Azhar bin Sa'īd al-Harāzī. Ada para ulama mempertikai kewibawaan beliau selaku perawi hadis. Nama beliau tercemar kerana dikaitkan dengan golongan *al-Nawāṣib*.<sup>5</sup> Walaupun begitu, hadisnya tetap diterima dan diriwayatkan oleh ahli-ahli hadis yang terkenal. Sebagai bukti, hadis beliau pernah diriwayatkan oleh al-Bukhārī (di dalam kitab *Adab al-mufrad*), al-Turmudhī, Abū Dāwud, al-Nasā'ī dan Ibn Mājah di dalam koleksi masing-masing.<sup>6</sup> Hadis Mu'āwiyah ini telah diriwayatkan sendiri oleh Abū Dāwud, walaupun pernah diriwayatkan bahawa Abū Dāwud membenci Azhar. Penulis berpandangan bahawa *isnād* hadis Mu'āwiyah ini di status *ṣaḥīḥ* kerana menurut Ibn Ḥajar, Azhar adalah perawi berstatus *ṣadūq*.<sup>7</sup>

Hadis riwayat Abū Umāmah R.A, menjelaskan bahawa *al-Firqah al-Najiyah* ialah (السواد الأعظم). Menurut al-Murtaḍa al-Zabidi hadis Abī Umāmah ini telah diriwayatkan oleh perawi-perawi yang *thiqat*.<sup>8</sup> Namun di dalamnya terdapat Abū Ghālib yang diklasifikasikan sebagai *thiqat* oleh beberapa ahli *al-jarḥ wa al-ta'dīl* termasuk Ibn Ma'in,<sup>9</sup> tetapi menurut al-Nasā'ī, Abū Ghālib adalah *ḍa'if*.<sup>10</sup>

Penulis berpendapat bahawa *isnād* hadis Abu Umāmah ini adalah berstatus *ḥasan*. Menurut Ibn Ḥajar beliau adalah *ṣadūq yukhṭi'*.<sup>11</sup> Menurut Dr. Abū al-Layth dan Dr Walīd al-'Ānī, lafaz *ṣadūq yukhṭi'* (di sisi Ibn Ḥajar) adalah pada status *ḥasan* (di kategori *ḥasan*

<sup>1</sup> Ibn al-Wazīr, al-'Awāṣim wa al-qawāṣim, j. 3, h. 170.

<sup>2</sup> al-Saqqāf, Sharḥ al-'aqīdah, h. 630.

<sup>3</sup> al-Qaraḍāwī, al-Ṣaḥwah, h. 37.

<sup>4</sup> al-Qaraḍāwī, al-Ṣaḥwah, h. 37.

<sup>5</sup> Ibn Ḥajar, Taqrīb al-tahdhīb, j. 1, h. 65.

<sup>6</sup> *Ibid.*

<sup>7</sup> Ibn Ḥajar, Taqrīb al-tahdhīb, j. 1, h. 65.

<sup>8</sup> Murtaḍa, Ithāf, j. 8, h. 141.

<sup>9</sup> al-Haythamī, al-Majma'. j. 7, h. 258

<sup>10</sup> al-Mizzī, Tahdhīb al-kamāl, j. 3, h. 195.

<sup>11</sup> Ibn Ḥajar, Taqrīb al-tahdhīb, j. 1, h. 204.

yang pertama) dan dapat ditingkatkan ke martabat *ṣaḥīḥ* dengan adanya *mutāba'ah* atau *shāhid*<sup>1</sup>.

Dapat dibuat kesimpulan bahawa kelima-lima riwayat hadis *Ifṭirāq al-Ummah* ini pada kedudukan sekurang-kurangnya *hasan lighairi* dengan adanya *syawahid* daripada periwayatan lima orang Sahabat r.a yang mana saling kuat menguatkan antara satu sama lain. Manakala riwayat yang selebihnya adalah terlalu lemah untuk dikuatkan.

#### **4.0 ISU PERPECAHAN UMAT DAN HAKIKATNYA.**

Manusia pada asalnya adalah umat yang satu, bersatupadu dan bertoleransi, kerana mereka berpegang kepada ajaran Tauhid. Setelah itu berlakunya perpecahan sesama mereka yang berpunca daripada gejala syirik, kezaliman, hasad dengki dan percakaran demi kepentingan dunia.<sup>2</sup> Maka Allah mengutus para Rasul berserta kitab sebagai penyelesaian kepada perselisihan yang berlaku,<sup>3</sup> sekaligus mengembalikan kesatuan. Selepas kematian para Rasul, mereka kembali berpecah-belah. Hakikat ini telah dijelaskan oleh firman Allah *s.w.t*:

كان الناس أمة واحدة فبعث الله النبيين مبشرين ومنذرين وأنزل معهم الكتاب بالحق ليحكم بين الناس فيما اختلفوا فيه وما اختلف فيه إلا الذين أوتوه من بعد ما جاءتهم البينات بغيا بينهم فهدى الله الذين ءامنوا لما اختلفوا فيه من الحق بإذنه والله يهدى من يشاء إلى صراط مستقيم<sup>4</sup>

Maksudnya:

*“Pada mulanya manusia itu ialah umat yang satu (menurut agama Allah yang satu, tetapi setelah mereka berselisihan), maka Allah mengutus Nabi-nabi sebagai pemberi khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman dengan balsan syurga), dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang engkar dengan balasan azab neraka); dan Allah menurunkan bersama Nabi-nabi itu kitab-kitab suci yang (mengandungi keterangan-keterangan yang) benar, untuk menjalankan hukum di antara manusia mengenai apa yang mereka perselisihkan. Dan (sebenarnya) tidak ada yang melakukan perselisihan melainkan orang-orang yang telah diberi kepada mereka kitab-kitab suci yang tersebut, iaitu setelah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang nyata, (mereka berselisih) semata-mata kerana hasad dengki sesama sendiri. Maka Allah memberikan petunjuk kepada orang-orang yang beriman kearah kebenaran yang diperselisihkan oleh mereka (yang derhaka itu) dengan izinNya. Dan Allah sentiasa memberi petunjuk hidayatnya kepada sesiapa yang dikehendakiNya ke jalan yang betul lurus (menurut undang-undang peraturannya)”*.

<sup>1</sup>al-Ānī, Manhaj dirāsah al-asānīd, h. 178. Dr Abū al-Layth, Takhrij al-hadīth, h. 218.

<sup>2</sup> al-Rāzī, Muḥammad Fakhr al-Dīn, *Tafsīr mafātīh al-ghayb*, Dār al-Fikr, Beirut, 1994, jil. 6. hlm. 12.

<sup>3</sup> al-Shāṭibī, *al-Iṭisām*, hlm. 441.

<sup>4</sup> al-Quran, Surah al-Baqarah, 2: 213.



Berhubung ayat di atas, Ibn ʿAbbās menjelaskan bahawa di antara Nabi Nuh dan Nabi Ādam sepuluh kurun, di sepanjang kurun tersebut semuanya berada di atas syariat yang betul, setelah itu mereka bertelagah (berpecah-belah), maka Allah membangkitkan para Nabi membawa berita gembira dan peringatan.<sup>1</sup> Menurut Fakhr al-Rāzī perpecahan ini disebabkan *baghyān* (melampau)<sup>2</sup>, hasad dengki serta percakaran dalam merebut kemewahan dunia.<sup>3</sup> Begitulah terjadinya perpecahan di kalangan umat sepanjang zaman. Hakikat ini akan turut berlaku pada umat Muḥammad *s.a.w*, firman Allah *s.w.t*:

"ولو شاء ربك لجعل الناس أمة واحدة ولا يزالون مختلفين إلا من رحم ربك  
ولذلك خلقهم" <sup>٤</sup>

Maksudnya:

*"Dan kalaulah Tuhanmu (wahai Muhammad) menghendaki, tentu Dia menjadikan umat manusia semuanya menurut agama yang satu (tetapi Dia tidak berbuat demikian). Dan kerana itulah mereka terus-menerus berselisihan. Tetapi orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanmu (mereka bersatu di dalam agama Allah), dan untuk (perselisihan dan rahmat) itulah Allah menjadikan manusia".*

Berhubung ayat di atas, Fakhr al-Rāzī menjelaskan bahawa manusia sentiasa berselisihan dalam perkara agama, kecuali mereka yang mendapat rahmat Allah.<sup>5</sup> Menurut Ibn Kathir, orang-orang yang mendapat rahmat Allah ialah pengikut Rasulullah yang berpegang kepada segala perintah agama. Difahami bahawa manusia akan sentiasa berpecah-belah dan berselisihan sehinggalah mereka patuh dan berpegang teguh kepada ajaran agama. Justeru, perselisihan dan perpecahan adalah merupakan *sunnatullah* yang pasti berlaku terhadap umat Muḥammad *s.a.w*, Rasulullah *s.a.w* bersabda:

"سألت ربي ثلاثاً؛ فأعطاني اثنين ومنعني واحدة: سألت ربي أن لا يهلك أمتي  
بالسنة، فأعطانيها. وسألت ربي أن لا يهلك أمتي بالغرق، فأعطانيها. وسألته أن لا  
يجعل بأسهم بينهم فمنعنيها".<sup>6</sup>

<sup>1</sup> Ibn Kathīr, Ismāʿīl, *Tafsir al-Quran al-ʿadīm*, Dār al-Khayl, Beirut, t.th, jil. 1, hlm. 236.

<sup>2</sup> al-Rāzī, *Mukhtār al-Sihāh*, hlm. 70, al-Rāgib, *Muʿjam*, hlm. 66.

<sup>3</sup> al-Rāzī, *Mafātīh al-ghayb*, jil. 3. hlm. 12.

<sup>4</sup> al-Quran, Surah Hūd, 11:118-119.

<sup>5</sup> al-Rāzī, *Mafātīh*, jil. 9. hlm. 78.

<sup>6</sup> Muslim, *Sahīh* [al-minhāj, (k) *al-Fitan wa asharāt al-sāʿah*, (b) *Halāk hadhihī al-ummah baʿduhum bi baʿd*, (hadis: 7189), jil. 19, hlm. 223.

Maksudnya:

“Aku telah memohon kepada Tuhanku tiga perkara; Allah hanya memakbulkan dua permintaanku dan menolak satu permintaan, Aku telah memohon agar umatku tidak dibinasakan dengan kemarau, maka dimakbulkanNya. Aku telah memohon agar umatku tidak dibinasakan dengan cara ditenggelami air, maka dimakbulkanNya. Setelah itu Aku memohon agar tidak dijadikan di antara umatku perbalahan (berbunuh-bunuh) sesama mereka, maka Allah menolak permintaan Aku itu”.

Selain itu, Baginda turut menggambarkan bahawa akan berlaku banyak perselisihan di kalangan umat Islam, sabdanya:

“أوصيكم بتقوى الله والسمع والطاعة وإن عبد حبشي فإنه من يعش منكم ير  
اختلافا كثيرا”<sup>1</sup>

Maksudnya:

“Aku wasiatkan kamu dengan ketaqwaan kepada Allah, taat dan patuh, sekalipun (pemimpin kamu) hamba berketurunan Habshah. Sesiapa yang (masih) hidup (selepasku) akan melihat banyak perselisihan (ikhtilāf)”.

Disimpulkan bahawa perpecahan umat adalah *sunnatullah* serta ketentuan takdir Allah untuk semua umat. Ia berkait rapat dengan dua unsur utama, iaitu; hilangnya pengikat kesatuan dan wujud agen perpecahan. Perpecahan yang bakal menimpa umat Muḥammad adalah sama seperti perpecahan umat yang lalu, apabila mereka mengulangi kesilapan umat terdahulu. Hakikat ini telah diisyaratkan oleh Rasulullah melalui sabda Baginda:

“لتتبعن سنن من كان قبلكم شبرا شبرا وذراعا ذراعا، حتى لو دخلوا جحر  
ضب تبعتموهم، قلنا: يا رسول الله اليهود والنصارى؟ قال: فمن؟”<sup>2</sup>

Maksudnya:

“Pastinya kamu akan menuruti sunnah orang sebelum kamu, menjejaki sejengkal demi sejengkal, sehasta demi sehasta, hingga sekiranya mereka memasuki lubang ḍabb sekalipun, pastinya kamu akan mengikut mereka. Baginda ditanya: Wahai Rasulullah s.a.w adakah (mereka itu) orang-orang Yahudi dan Nasrani?, Baginda menjawab: (Kalau tidak mereka) siapa lagi?”.

---

<sup>1</sup>al-Turmudhī, *Sunan* [Tuḥfah], (k) *al-ʿIlm* (b) *al-Akhdhū bi al-Sunnah wa ijtināb al-bidʿah* (hadis: 2815), jil. 7, hlm. 365. Menurut al-Turmudhī: Hadis ini *ḥasan ṣaḥīḥ*. Makna hadis turut diruwayatkan oleh: Abū Dāwud, *Sunan*, (k) *al-Sunnah* (b) *Fi luzun al-sunnah* (hadis: 4607), jil. 4, hlm. 200. Ibn Mājah, *Sunan* [al-Sindī], (k) *al-Sunnah* (b) *Itbāʿ sunnah al-khulafāʾ al-rāshidīn* (hadis: 42, 43), jil. 1, hlm. 31. al-Ḥākim, *Mustadrak*, (hadis: 329), jil. 1, hlm. 174. Menurut al-Ḥākim, hadis ini *ṣaḥīḥ* dan tidak mempunyai *ʿillah*.

<sup>2</sup> al-Bukhārī, *Sahīḥ* [Fath], (k) *al-ʿtiṣām bi al-Qurān wa al-Sunnah*, (b) *Qawl Nabi s.a.w:* ( لتتبعن سنن من كان قبلكم ), (hadis: 7320), jil. 15, hlm. 235.

Menurut Ibn Hajar, Rasulullah s.a.w telah mengetahui bahawa umatnya akan mengikuti dan mencontohi perkara-perkara bidaah sebagaimana yang dilakukan oleh umat sebelum mereka.<sup>1</sup> Hasil daripada perbuatan mereka tersebut, akan lengkap pendorong kepada perpecahan serta terhakis ikatan-ikatan perpaduan. Justeru akan berlaku perpecahan di kalangan umat Muhammad s.a.w sebagaimana berlakunya perpecahan di kalangan ahli Kitab.

Hadis ini merupakan amaran Rasulullah s.a.w agar menghindari perkara-perkara yang boleh mengakibatkan perpecahan serta tuntutan menanganinya. Apabila lengkap anasir pencetus perpecahan dan terkikisnya rukun-rukun perpaduan, perpecahan yang dijanjikan ini tidak dapat dielakkan lagi. Pasti berlaku perpecahan terhadap umat Muhammad s.a.w sebagaimana yang digambarkan oleh hadis *al-Iftirāq*. Perpecahan ini dapat dielakkan dengan berpegang teguh kepada ajaran Quran dan Sunnah.

## **5.0 HURAIAN BERHUBUNG AL-FIRQAH AL-NĀJIYAH**

Keistimewaan dan kepentingan hadis *Iftirāq al-Ummah* dalam konteks perpecahan ummah adalah kerana ianya ada menjelaskan *al-Firqah al-Nājiyah*, iaitu puak yang terselamat. Penentuan *al-Firqah al-Nājiyah* di dalam hadis *Iftirāq*, acapkali meraih minat ramai para pengkaji untuk mengenalpasti *al-Firqah al-Nājiyah* yang dimaksudkan. Penentuan *al-Firqah al-Nājiyah* amat berkait rapat dengan pengertian lafaz *al-Jamā'ah* dan *al-Sawād al-a'zam*. Kedua-dua lafaz di atas umpama kayu ukur yang disediakan untuk mengenalpasti *al-Firqah al-Nājiyah*. Lantaran itu, perbincangan mengenai pengertian kedua lafaz tersebut adalah amat penting.

Perkataan *al-Jamā'ah* menurut bahasa Arab bermaksud; “sekumpulan manusia yang ramai, yang disatukan oleh matlamat yang satu”.<sup>2</sup> Manakala perkataan *al-Sawād al-a'zam* menurut bahasa Arab terdiri daripada gabungan dua perkataan iaitu *al-Sawād* dan *al-A'zam*. Perkataan *al-Sawād* menurut *al-Mu'jam al-ʿArabi* bermaksud; “yang bersifat hitam”. Apabila digabungkan dengan perkataan *al-a'zam* (السواد الأعظم من الناس) ianya memberi

---

<sup>1</sup> Ibn Hajar, *Fath*, jil. 13. hlm. 368.

<sup>2</sup> *al-Mu'jam al-wasīṭ*, jil. 1, hlm. 134.

pengertian; kelompok yang terbesar.<sup>1</sup> Menurut al-Raghib al-Isfarayaini, perkataan *al-Sawad al-a<sup>c</sup>zam* bermaksud; “*jama<sup>c</sup>ah* yang banyak”.<sup>2</sup> Lantaran itu Ibn al-Athir dan al-Suyuti telah mendefinisikan lafaz *al-Sawad al-a<sup>c</sup>zam* sebagai; “himpunan manusia yang ramai dan mereka merupakan kumpulan terbesar, yang bersatu dalam mentaati sultan dan mengikuti metode yang lurus”.<sup>3</sup> Perbezaan di antara lafaz-lafaz ini berkemungkinan terhasil daripada periwayatan hadis melalui maknanya. Ianya tidak menimbulkan keraguan, kerana periwayatan dalam bentuk tersebut diterima pakai oleh para ulama (menurut pendapat yang paling sahih) jika menepati syarat-syaratnya.

Para ulama Islam tidak bersependapat dalam menentukan pengertian sebenar lafaz *al-Jamā<sup>c</sup>ah* yang dikehendaki oleh hadis ini dan hadis-hadis yang lain. Terdapat lima pendapat berhubung pengertian *al-Jamā<sup>c</sup>ah*, seperti berikut;

- Pertama: Khusus Kepada *al-Jamā<sup>c</sup>ah* Para Sahabat
- Kedua: *Jamā<sup>c</sup>ah* Para Ulama Mujtahid
- Ketiga: *al-Jamā<sup>c</sup>ah* Adalah *al-Sawād al-a<sup>c</sup>zam*
- Keempat: *Jamā<sup>c</sup>ah* Umat Islam
- Kelima: *Jamā<sup>c</sup>ah* Umat Islam Yang Bersatu Di Bawah Seorang Ketua

Apapun tafsiran tentang *al-Jamā<sup>c</sup>ah*, suatu yang penting ialah menggambarkan himpunan ramai umat Islam yang bersatu pada satu perkara sama ada dari sudut metode, atau halatuju. Halatuju dan metode ini diselaraskan oleh dua unsur utama iaitu para ulama dan juga para *umarak* (pemimpin). Kedua-dua pihak iaitu *umarā<sup>c</sup>* dan ulama dipandu oleh asas yang sama. Perbezaan asas tidak mungkin membawa kepada kesatuan dan perpaduan.

Apapun tafsiran tentang *al-Jama<sup>c</sup>ah*, suatu yang penting ialah menggambarkan himpunan ramai umat Islam yang bersatu pada satu perkara sama ada dari sudut metode, atau halatuju. Halatuju dan metode ini diselaraskan oleh dua unsur utama iaitu para ulama dan juga para *umarak* (pemimpin). Kedua-dua pihak iaitu *umara<sup>c</sup>* dan ulama dipandu oleh asas yang sama. Perbezaan asas tidak mungkin membawa kepada kesatuan dan perpaduan.

---

<sup>1</sup> Mu<sup>c</sup>jam al-<sup>c</sup>arabī, hlm. 653.

<sup>2</sup> al-Rāghib, Mu<sup>c</sup>jam mufradāt, hlm. 278.

<sup>3</sup> Ibn Athīr, al-Mubārak bin Muḥammad bin Muḥammad, al-Nihāyah fi gharīb al-hadīth wa al-athār, Dār al-Fikr, Beirut, 1979, jil. 2, hlm. 429. al-Sindī, Sharḥ sunan Ibn Mājah, jil. 4, hlm. 327.

Apapun pengertian *al-Jamā'ah* dan *al-Sawād al-a'zam*, yang pasti ianya merupakan identiti kepada *al-Firqah al-Nājiyah*. Ciri-ciri tersebut mampu membezakan *al-Firqah al-Nājiyah* dengan puak-puak yang lain. Selain itu, ianya menggambarkan metode asas *al-Firqah al-Nājiyah*. Melalui metode tersebut *al-Firqah al-Nājiyah* sentiasa berada di atas kebenaran sekaligus terhindar dari kesesatan. Manakala penyelewengan dari metode *al-Firqah al-Nājiyah* mengundang kesesatan dan menempah seksaan neraka.<sup>1</sup>

Pengertian *al-Jamā'ah* dan *al-Sawād al-a'zam* dari segi bahasa membawa pengertian yang hampir sama, perbezaannya hanya di antara makna umum dan khusus sahaja. Lafaz *Jamā'ah* menunjukkan *kelompok manusia yang ramai*, manakala *al-Sawād al-a'zam* pula menunjukkan *kelompok ramai serta merupakan kelompok terbesar*.

*al-Firqah al-Nājiyah* yang dinyatakan oleh hadis adalah *al-Sawād al-a'zam* umat Islam. Pandangan tersebut berdasarkan riwayat Abū Umāmah yang menggunakan lafaz *Sawād al-a'zam* sebagai *al-Firqah al-Nājiyah*. Ianya selari dengan sebuah hadis lain, Rasulullah telah bersabda:

"**إن أمتي لا تجتمع على الضلالة، فإذا رأيتم اختلافاً فعليكم بالسواد الأعظم**"<sup>2</sup>

Maksudnya:

"*Sesungguhnya umatku (iaitu umat Muḥammad s.a.w) tidak akan bersatu dalam kesesatan. Oleh itu sekiranya kamu melihat banyak berlaku perselisihan maka hendaklah kamu bersama-sama al-Sawād al-a'zam*".

Sehubungan itu, ramai para ulama<sup>3</sup> berpendapat bahawa *al-Firqah al-Nājiyah* adalah *Ahli al-Sunnah wa al-Jamā'ah*, kerana mereka adalah merupakan *al-Sawād al-a'zam* umat Muḥammad s.a.w sepanjang zaman. Dengan kata lain *al-Firqah al-Nājiyah* yang dinyatakan oleh hadis ialah: *Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang terdiri daripada para ulama, pemimpin dan masyarakat umum yang berpegang kepada metode yang lurus sejajar dengan Quran dan

---

<sup>1</sup> Salam, *Ma ana 'alayhi*, hlm. 44-45.

<sup>2</sup> Ibn Mājah, *Sunan*, (k) *al-Fitan*, (b) *al-Sawād al-a'zam*, (hadis: 3950), jil. 4, hlm. 327.

<sup>3</sup> al-Baghādāī, *al-Farq bayna al-firaq*, hlm. 34. al-Isfarāyainī, *Tabṣīr*, hlm. 114. al-Nawawī, *al-Minhāj*, jil.3, hlm. 69. Ibn Jawzī, *Talbīs*, hlm. 10. al-Ghazālī, Abī Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad, *Ijān al-'awwām 'an 'ilm al-kalam*, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1994, hlm. 64. al-Manāwī, Muḥammad 'Abd al-Ra'ūf, *Fayḍ al-qadīr sharḥ jāmi' al-saghīr*, jil. 2, hlm. 20. Murtaḍa, *Ithaf*, jil. 8, hlm. 139. al-Shaharastānī, *al-Milal wa al-nihal*, hlm. 11. al-Sahāranfūrī, *Badhl al-majhūd*, jil. 7, hlm. 118. Fakr al-Ḥasan, *Sharḥ Sunan Ibn Mājah*, jil. 5, hlm. 383.

Sunnah.

Metode Quran dan Sunnah yang menjadi teras pegangan *Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah* menjadikan mereka kelompok terbesar umat Islam sepanjang zaman. Dengan berpegang kepada metode Quran dan Sunnah, *Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah* terhindar daripada sebarang bentuk penyelewengan atau kesesatan. Lantaran itu, mereka berhak mendapat keredaaan Allah serta syurgaNya, sekaligus terselamat daripada ancaman neraka. Merekalah yang dimaksudkan oleh Rasulullah *s.a.w* melalui sabdanya:

<sup>1</sup> "لا تزال طائفة من أمتي قائمة بأمر الله، لا يضرهم من خذلهم - أو خالفهم - حتى يأتي أمر الله وهم ظاهرون على الناس"

Maksudnya:

*Akan sentiasa wujud satu t̄ā'ifah daripada umatku yang berterusan melaksanakan apa yang diperintahkan Allah. Mereka tidak akan mendapat musibah daripada orang yang enggan memberi bantuan atau pertolongan kepada mereka (ataupun orang yang yang menyalahi mereka) sehinggalah berlakunya Hari Kiamat. Mereka tersohor di kalangan manusia.*

Rasulullah menjelaskan bahawa akan sentiasa wujud *t̄ā'ifah* di kalangan umat Muḥammad *s.a.w* yang berada di atas jalan yang lurus sehingga hari Kiamat. Imam al-Bukhārī menjelaskan bahawa *t̄ā'ifah* yang dinyatakan oleh hadis ini adalah Ahli Ilmu.<sup>2</sup> Imam Aḥmad pula berpendapat bahawa "ahli ilmu" yang dimaksudkan oleh al-Bukhārī ialah ahli hadis.<sup>3</sup> Manakala al-Qādī 'Iyāḍ menambah, mereka adalah *Ahli al-Sunnah wa al-Jamā'ah*.<sup>4</sup>

Hadis di atas turut mengisyaratkan bahawa *al-Firqah al-Nājiyah* adalah *al-Sawād al-a'zam*, ianya merujuk lafaz *ẓāhirūn* (ظاهرون) yang terdapat di dalam hadis. Menurut Ibn Ḥajar, lafaz *ẓāhirūn* bermaksud "Mengalahkan pihak lawan (yang menyalahi mereka)", atau "ianya tidak berselindung, iaitu masyhur t tersohor".<sup>5</sup> Kedua-dua pengertian tersebut merupakan sifat yang ketara pada *Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

Menurut al-Nawawī, *al-Jamā'ah* ini berkemungkinan terdiri daripada (gabungan) beberapa *jamā'ah* umat Islam, samada *jamā'ah* yang terkenal dengan gagah berani dan cekap berperang, para ulama *fiqh*, hadis dan tafsir, para pendakwah yang menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran dan golongan yang zuhud serta kuat beribadat. Mereka tidak semestinya berada di dalam satu negara. Mungkin mereka bertaburan di seluruh dunia.<sup>6</sup> Manakala Muḥammad al-Ghazālī berpendapat bahawa *al-Firqah al-Nājiyah* yang dinyatakan oleh hadis tidak terhad secara spesifik pada puak-puak tertentu yang boleh dikenali dengan nama-nama tertentu di sepanjang sejarah umat Islam, tetapi ianya merangkumi seluruh pihak yang menuntut kebenaran dalam semua aspek.<sup>7</sup>

<sup>1</sup> Muslim, (hadis: 4932), al-Bukhārī, (hadis: 7460), terdahulu *takhrījnya* di halaman: 72.

<sup>2</sup> Difahami daripada tindakan al-Bukhārī yang telah menamakan tajuk bab bagi hadis tersebut sebagai "*Bab sabda Rasulullah s.a.w: لا تزال طائفة من أمتي ظاهرين على الحق وهم أهل العلم*" [al-Bukhārī, *Sahīh (Fāth)*, jil. 13, hlm. 362].

<sup>3</sup> al-Nawawī, *Sharah Sahīh Muslim*, jil. 13, hlm. 68.

<sup>4</sup> Ibn Ḥajar, *Fath*, jil. 13, hlm. 362.

<sup>5</sup> Ibid.

<sup>6</sup> Ibn Ḥajar, *Fath*, jil. 13, hlm. 361.

<sup>7</sup> al-Ghazālī, Muḥammad, *Difā' an al-aqīdah wa al-sharī'ah*, Naḥḍah Miṣr, al-Qāhirah, t.th, hlm. 164.

Adapun kenyataan bahawa “*Ahli al-Sunnah wa al-Jama’ah* sebagai *al-Firqah al-Nājiyah*” adalah dari sudut umum kerana ianya merupakan *al-Sawād al-a’zam* umat Islam. Selain itu didapati metode *Ahli al-Sunnah wa al-Jama’ah* menepati metode *al-Firqah al-Nājiyah* semenjak zaman para Sahabat sehingga sekarang. Walaupun begitu, tidak bermakna kesemua individu yang mengaku sebagai *Ahli al-Sunnah wa al-Jama’ah* akan selamat, begitu juga sebaliknya. Hukum setiap individu tetap terletak pada hukum-hakam yang digariskan oleh Syarak. Menurut Prof. Dato’ Dr. Abdul Shukor bin Haji Husin;

Di dalam hadis di atas Nabi *s.a.w* tidak menetapkan sebarang batas masa atau waktu bagi menentukan ahli Sunnah, yang ditegaskan oleh Nabi *s.a.w* sebagai puak yang selamat ialah *manhāj* (metode) dan penghayatan yang merupakan kriteria dalam menentukan sesuatu golongan itu sebagai ahli Sunnah atau tidaknya.<sup>1</sup>

## 6.0 METODE WASATIYYAH DALAM KESATUAN UMMAH

Hadis *al-Iftirāq* menjelaskan bahawa al-Firqah al-Nājiyah adalah merupakan kelompok yang teramai dan digelar *al-Jamā’ah* atau *al-Sawād al-A’zam*. Sifat yang ada pada al-Firqah al-Nājiyah ini sudah tentu menjadikannya sebagai kelompok yang teramai dan besar bahkan menjadi mejoritinya. Bahagian ini akan membongkar rahsia tersebut berdasarkan kepada petunjuk yang terdapat di dalam hadis *Iftirāq al-Ummah*.

Rasulullah mengetahui bahawa umat Islam akan berpecah-belah sebagaimana perpecahan kaum Yahudi dan Nasrani sekiranya mengikut jejak langkah mereka. Lantaran itu, Baginda *s.a.w* mengingatkan umatnya agar tidak mengikut jejak langkah kaum Yahudi dan Nasrani yang telah berpecah-belah dalam urusan agama setelah diberi petunjuk oleh para Rasul. Baginda memberi amaran terhadap umatnya dalam bentuk perkhawaran seolah-olah ianya benar-benar berlaku. Ini merupakan uslub Rasulullah *s.a.w* yang sangat halus dalam memberi peringatan terhadap umatnya.<sup>2</sup> Mesej yang sama dapat dibaca dari sabda Baginda *s.a.w*:

"لتتبعن سنن من كان قبلكم شبرا شبرا وذراعا وذراعا، حتى لو دخلوا جحر  
ضب تبعتموهم، قالنا: يا رسول الله اليهود والنصارى؟ قال: فمن؟!"<sup>3</sup>

Maksudnya:

“Pastinya kamu akan menuruti sunnah orang sebelum kamu, menjejaki sejengkal demi sejengkal, sehasta demi sehasta, hingga sekiranya mereka memasuki lubang *ḍabb* sekalipun, pastinya kamu akan mengikut mereka. Baginda ditanya: Wahai Rasulullah *s.a.w* adakah (mereka itu) orang-orang Yahudi dan Nasrani?, Baginda menjawab: (Kalau tidak mereka) siapa lagi?”.

Lantaran itu, Baginda *s.a.w* telah menggariskan tindakan perlu tatkala berhadapan dengan bibit-bibit perpecahan. Di saat sedemikian, baginda mengarahkan agar umatnya menyertai *Jamā’ah al-Sawād al-A’zam* umat Islam. Ia selari dengan sabda Baginda *s.a.w*:

" إن أمتي لا تجتمع على الضلالة، فإذا رأيتم اختلافًا فعليكم بالسواد الأعظم"<sup>4</sup>

Maksudnya:

<sup>1</sup> Abdul Shukor, *Ahli Salaf*, hlm. 105.

<sup>2</sup> al-Anīs, *Hadīth iftirāq al-ummah*, hlm. , 25.

<sup>3</sup> al-Bukhārī (hadis: 7320) terdahulu *takhrījnya* di halaman: 87.

<sup>4</sup> Ibn Mājah (hadis: 3950) terdahulu *takhrījnya* di halaman: 102.

*“Sesungguhnya umatku (iaitu umat Muḥammad s.a.w) tidak akan bersatu dalam kesesatan. Oleh itu sekiranya kamu melihat banyak berlaku perselisihan maka hendaklah kamu bersama-sama al-Sawād al-a<sup>c</sup>zam”.*

*Jamā'ah* yang dimaksudkan adalah *al-Sawād al-a<sup>c</sup>zam* umat Islam yang terdiri daripada para ulama, pemimpin dan masyarakat umum. Semestinya *Jamā'ah* ini berpegang kepada metode yang telah dilalui oleh Rasulullah s.a.w serta para Sahabatnya. Setelah berlaku perselisihan dan perpecahan, menjadi tugas setiap individu mencari dan memilih kebenaran yang bertepatan dengan Quran dan Sunnah. Apabila kembali kepada Quran dan Sunnah pastinya akan menemui kesamaan yang disepakati ramai iaitu *al-Jamaah* atau *al-Sawad al-A<sup>c</sup>zam*. Iaitu jalan yang terdapat padanya para ulama sepanjang zaman. Keikhlasan para ulama dan masyarakat awam yang berpegang teguh kepada Quran dan Sunnah dalam mencari kebenaran menemukan satu titik persamaan dan kesatuan. Hal ini kerana menurut Abū Mas'ūd al-Anṣārī, umat Muḥammad tidak akan bersepakat dalam kebatilan atau kesesatan, sesungguhnya berpecah daripada *al-Jamā'ah* adalah satu kesesatan.<sup>1</sup> Sabda Baginda s.a.w:

"إن الله لا يجمع أمتي أو قال أمة محمد -صلى الله عليه وسلم- على ضلالة ويد الله مع الجماعة ومن شذَّ شذَّ إلى النار"<sup>2</sup>

Maksudnya:

*“Sesungguhnya Allah tidak akan menghimpun umatku (atau umat Muḥammad s.a.w) pada (sesuatu) kesesatan, bantuan Allah bersama al-Jamā'ah, sesiapa yang mengasingkan diri (daripada al-Jamā'ah serta menyalahi mereka), bermakna mengasingkan diri ke neraka”*

Manakala hadis *Iftirāq* ini merupakan isyarat Rasulullah agar tidak mengikuti sikap kaum Yahudi dan Nasrani yang sentiasa berselisihan walaupun mempunyai panduan yang telah ditinggalkan oleh para Rasul. Demi kepentingan dunia mereka sanggup membelakangi kebenaran tersebut. Firman Allah s.w.t:

"... وما اختلف فيه إلا الذين أوتوه من بعد ما جاءتهم البينات بغيا بينهم..."<sup>3</sup>

Maksudnya:

*“... Dan (sebenarnya) tidak ada yang melakukan perselisihan melainkan orang-orang yang telah diberi kepada mereka kitab-kitab suci yang tersebut, iaitu setelah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang nyata, (mereka berselisih) semata-mata kerana hasad dengki sesama sendiri ...”.*

*al-Baghyu* (البغي) menurut bahasa bermaksud; Penentangan. Manakala (بغى) ialah, setiap yang melampaui batasan, iaitu had sesuatu.<sup>4</sup> Menurut al-Rāghib al-Isfarāyainī:

<sup>1</sup> al-Shāṭibī, *al-ʿIṭisām*, jil. 2, hlm. 518.

<sup>2</sup> al-Turmudhī (hadis: 2167), al-Ḥākim (hadis: 339,400,401, 402, 403, 405, 406, 407 & 408), terdahulu *takhrījnya* di halaman: 98.

<sup>3</sup> al-Quran, Surah al-Baqarah, 2: 213.

<sup>4</sup> al-Rāzī, *Mukhtār al-Sihāh*, hlm. 70



perkataan *al-Baghyu*: Adakalanya terpuji dan ada kalanya tercela. *al-Baghyu* di kebanyakan tempat dalam al-Quran adalah suatu yang dicela.<sup>1</sup> al-Qurtubi menjelaskan bahawa sikap “*baghyan*”, yang ditunjukkan oleh ayat tersebut ialah sikap melampaui batasan agama. Ianya punca perselisihan dan perpecahan di kalangan kaum Yahudi dan Nasrani yang terdahulu.<sup>2</sup> Sikap melampau ada dua bentuk samada melampau dalam mengurangkan atau melampau dalam bentuk berlebih-lebihan. Kaum Yahudi terkenal dengan sikap melampau yang *tafrit* (تفريط) tuntunan syarak, manakala kaum Nasrani pula terkenal dengan sikap melampau yang *ifrāt* (إفراط).<sup>3</sup> *al-Tafrīt* ialah sikap melampau yang berbentuk kecuaiian yang mengurangkan sesuatu daripada hadnya sehingga tidak meninggalkan baki. Manakala *ifrāt* pula, ialah sikap berlebih-lebih yang membawa kepada tindakan melampaui had yang telah ditetapkan.<sup>4</sup> Sebagai contoh, kaum Yahudi melalui sikap *tafrīt* terhadap ajaran agama mendorong mereka bertindak membunuh para Nabi. Manakala kaum Nasrani pula, melalui sikap melampau yang *ifrāt* telah mendakwa bahawa Nabi Isa sebagai anak Tuhan.<sup>5</sup> Umat Islam seharusnya menjadi umat yang adil, berada di titik pertengahan antara *tafrīt* dan *ifrāt*, firman Allah s.w.t:

"وكذلك جعلناكم أمة وسطا لتكونوا شهداء على الناس ويكون الرسول عليكم شهيدا"

Maksudnya:

“Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus) Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad), satu umat yang pilihan lagi adi, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah), dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu”.

Tindakan menghindari sikap melampau dalam beragama sama ada bentuk *ifrat* atau *tafrit* bermakna berada pada garisan pertengahan iaitu *wasata* atau lebih dikenali sebagai *al-Wasatiyyah*. Pendirian *al-Wasatiyyah* hanya boleh dicapai melalui penekanan terhadap sifat ikhlas dalam semua aspek kehidupan khususnya berhubung mencari kebenaran. Tanpa keikhlasan cenderung kepada penyelewengan samada ke arah *ifrat* atau *tafrit*.

## 7.0 PENUTUP

---

<sup>1</sup> al-Rāgib, *Muʿjam*, hlm. 66

<sup>2</sup> al-Qurtubī, *Jāmiʿ li ahkām*, jil. 7. hlm. 129.

<sup>3</sup> Ibid jil. 2, hlm. 104. Fakhr al-Rāzī, *Māfātīh*, jil. 6.18. Ibid, jil. 2, hlm. 109.

<sup>4</sup> al-Rāzī, *Mukhtār al-sihāh*, hlm. 470.

<sup>5</sup> al-Qurtubī, *Jāmiʿ li ahkām*, jil. 2. hlm. 104. Fakhr al-Rāzī, *Māfātīh*, jil. 2, hlm. 109.

<sup>6</sup> al-Quran, al-Baqarah, 2:143.

Daripada perbahasan di atas, dapat dikenalpasti mesej yang terkandung di dalam hadis *Iftirāq* iaitu; sikap melampaui batasan agama (sebagaimana tindakan kaum Yahudi dan Nasrani) mengakibatkan perpecahan umat, sama seperti perpecahan yang telah melanda kaum Yahudi dan Nasrani yang terdahulu. Hendaklah setiap umat Islam menjauhi sikap melampau dan berpegang teguh kepada ajaran Quran dan Sunnah, kerana ianya merupakan kunci kekuatan dan perpaduan umat.

Sebagai penutup, penulis melihat perlunya penekanan dalam melahirkan generasi ikhlas melalui penghayatan ilmu, iman dan amal. Aspek keikhlasan merupakan skop yang penting dalam bidang tasawuf Islam yang menjadi pemangkin kepada kekuatan dan kesatuan ummah. Namun perlu ditekankan kepada pendekatan tasawuf yang berlandaskan kepada panduan Quran dan Sunnah.

## 8.0 BIBLIOGRAFI

- Abdul Shukor bin Hj Husin 1993. *Ahli Salaf menurut perspektif ulama al-Kalam*. Dlm. Mohammad Yusoff Hussain, Abdul Shukor bin Hj Husin, Idris Zakaria & Anisah binti Hj Zainal Abidin (pnyt). Isu-isu dalam Usuluddin dan Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aḥmad bin Ḥanbal. 1990. *Musnad al-shāmiyyīn min musnad Aḥmad bin Ḥanbal*. Jammāz, °Alī Muḥammad (pnys.). al-Dawḥah: Dār al-Thaqāfah.
- Aḥmad bin Ḥanbal. 1990. *Musnad al-Imam Aḥmad bin Ḥanbal*. al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth.
- Aḥmad bin Ḥanbal. 1995. *Musnad al-Imam Aḥmad bin Ḥanbal*. Shākir. Aḥmad bin Muḥammad (*taḥqīq*). al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth.
- Aḥmad bin Ḥanbal. t.th. *Musnad al-Imam Aḥmad bin Ḥanbal*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-°Arabī.
- al-°Ajlūnī, Ismā°il bin Muḥammad. 1997. *Kashf al-khafā' wa muzīl al-ilbās °amma ishtahara min al-aḥādīth °ala alsinah al-nās*. Beirut: Mu'assasah Manāḥil al-°Irfān.
- al-°Ānī, Walīd bin Ḥasan. 1999. *Manhaj dirāsah al-asānīd wa al-ḥukmū °alayha*. al-Ashqār, Dr. °Umar Sulayman dan Abū al-Baṣal, Dr. °Abd al-Nāṣir (pnyt.). °Ammān: Dār al-Nafāis.
- al-°Ānīṣ, °Abd al-Samī°. 1998. Ḥadīth iftirāq al-ummah. *al-Zahrā'*. Ogos: 17.
- al-Arna°ūt, Shu°ayb. 1997. *Mausūfah al-ḥadīthiyyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- al-Baghdādī, Abū Manṣūr. 1994. *al-Farq bayna al-firaq*. Beirut: Dār al-Ma°rifah.
- al-Bukhārī, Muḥammad bin Isma°il. *al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar Min Umūr Rasūl Allah Ṣalla Allah °Alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih*. ed. Muḥammad Zuhayr bin Nāṣir al-Nāṣir. Dimashq: Dār Tawwāqah al-Najāh, 2002.
- al-Būṣīrī, Aḥmad bin Abī Bakr. 1993. *Miṣbāh al-zujājah fī zawāid Ibn Mājah*. al-Qāhirah: Maṭba°ah Ḥassān.
- al-Ghazālī, Abī Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad. 1994. *Iljān al-°awwām °an °ilm al-kalam*. Beirut: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- al-Ghazālī, Muḥammad. t.th. *Difa° °an al-°aqīdah wa al-sharḤah*. al-Qāhirah: Naḥḍah Miṣr.
- al-Ḥākim, Abī °Abdullah al-Nīsāburī. 1990. *al-Mustadrak °ala al-ṣaḥīḥayn* (bersama: al-Dhababī. *al-Talkhīṣ*). Beirut: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- al-Haythami, Nur al-Dīn °Alī bin Bakr. 1987. *Majma° al-zawāid wa manba° al-fawāid*. Beirut: Dār al-kitab al-°Arabī.
- al-°Irāqī, Zayn al-Dīn °Abd al-Raḥīm bin al-Ḥusayn. 1990. *al-Mughnī° °ala ḥaml al-asfār fī takhrīj mā fī al-ihyā' min al-akḥbār*. al-Ḍawḥah: Dār al-Thaqāfah.
- al-Isfarāyainī, Abū Muḥaffar. 1940. *Tabṣīr fī al-dīm wa tamyīz al-firqah al-nājiyah °an al-firqah al-hālikah*. al-Kawtharī, Muḥammad Zāhid al-Ḥasan (pngr.). al-Qāhirah:

- Maṭba<sup>c</sup> al-Anwār.
- al-Manāwī, Muḥammad bin <sup>c</sup>Abd al-Ra'ūf. 1980. *Fayd al-qadīr sharḥ al-jāmi' al-ṣaḡhīr min aḥādīth al-bashīr*. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Mizzī, Yūsuf bin al-Zakī. 1980. *Tahdhīb al-kamāl*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- al-Mubarakfuri, Muhammad 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Rahim. (1995). *Tuhfah al-ahwadhī bi sharḥ Jami' al-Turmudhī* (syarah). Beirut. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. j. 7, h. 332.
- Mustafā, Ibrāhīm. al-Ziyāt, Aḥmad Ḥasan. <sup>c</sup>Abd al-Qādir, Hāmid dan al-Najjār, Muḥammad <sup>c</sup>Alī. 1989. *al-Mu<sup>c</sup>jam al-wasīl*. Istanbūl: Dār al-Da<sup>c</sup>wah.
- Muslim, Ibn Ḥajjāj. 1997. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Dlm. al-Nawawī, Muḥyi al-Dīn. *al-Minhāj* Beirut: Dār al-Ma<sup>c</sup>rifah.
- al-Qurṭubī, Muḥammad bin Aḥmad. 1996. *al-Jāmi<sup>c</sup> fi al-ahkām al-Qur'<sup>ān</sup>*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Rāghib, al-Ḥusayn bin Muḥammad. 1997. *Mu<sup>c</sup>jam mufradāt alfāz al-Qur'<sup>ān</sup>*. Shams al-Dīn, Ibrāhīm (*taḥqīq*). Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Rāzī, Muḥammad Fakhr al-Dīn. 1994. *Tafsīr mafātīḥ al-ghayb*. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Sahāranfūrī, Khalil Aḥmad. 1998. *Badhl al-majhūd fi ḥalli Abī Dāwud*. al-Kāndahlawī, Muḥammad Zakariya bin Yaḥya (Nota kaki). al-Qāhirah: Dār al-Rayyān li al-Turāth.
- al-Sakhāwī, Muḥammad bin <sup>c</sup>Abd al-Raḥmān. 1986. *al-Maqāṣid al-ḥasanah*. Beirut: Dār al-Hijrah.
- al-Saqqāf, Ḥasan <sup>c</sup>Alī. 1998. *Fikr al-Āl al-Bayt ṣaḥīḥ sharḥ al-<sup>c</sup>aqīdah al-ṭaḥāwiyyah*. <sup>c</sup>Ammān: Dār al-Imām al-Nawawī.
- al-Shaharastānī, Muḥammad bin <sup>c</sup>Abd al-Karīm. 1992. *al-Milal wa al-niḥāl*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Shāṭibī, Ibrāhīm bin Mūsā. 1997. *al-Itisām*. Ta<sup>c</sup>muh, Maḥmūd Ḥalabī (*tāḥqīq*). Beirut: Dār al-Ma<sup>c</sup>rifah.
- al-Turmudhī, Muḥammad bin <sup>c</sup>Isā. 1995. *Sunan al-Turmudhī*. Dlm. al-Mubārakfūrī, Muḥammad <sup>c</sup>Abd al-Raḥmān bin <sup>c</sup>Abd al-Raḥīm. *Tuhfah al-ahwadhī bi sharḥ Jāmi<sup>c</sup> al-Turmudhī* (syarah). Beirut. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Wādī<sup>c</sup>ī, Muqbil bin Hādī. 1991. *al-Ṣaḥīḥ al-musnad minma laysa fi al-ṣaḥīḥayn*. San<sup>c</sup>a': Maktabah al-Quds.
- al-Zayla<sup>c</sup>ī, <sup>c</sup>Abdullah bin Yūsuf. 1994. *Takhrīj al-aḥādīth wa al-āthār al-wāqī<sup>c</sup>ah fi tafsīr al-kashshāf – li al-Zamakhsharī*. al-Riyāḍ: Dār al-Ibn Khuzaymah.
- Ibn al-Wazīr, Muḥammad bin Ibrāhīm. 1992. *al-<sup>c</sup>Awāṣim wa al-qawāṣim fi al-dhabbi sunnati Abī al-Qāsim*. al-Akwa<sup>c</sup>, Ismā<sup>c</sup>īl dan al-Arna'ūt, Shu<sup>c</sup>ayb (*taḥqīq*). Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- Ibn Athīr, al-Mubārak bin Muḥammad bin Muḥammad. 1979. *al-Nihāyah fi gharīb al-ḥadīth wa al-athār*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Hajar, Aḥmad bin <sup>c</sup>Ali al-<sup>c</sup>Asqalānī. 1984. *Tahdhīb al-tahdhīb*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Abī <sup>c</sup>Āṣim, Abī Bakr <sup>c</sup>Amr. 1994. *Kitab al-sunnah*. al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn (pngr.). Beirut: al-Maktab al-Islamī.
- Ibn Jawzi, Jamāl al-Dīn <sup>c</sup>Abd al-Raḥmān. 1994. *Talbīs iblīs*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Kathīr, Ismā<sup>c</sup>īl. t.th. *Tafsīr al-Qur'<sup>ān</sup> al-<sup>c</sup>azīm*. Beirut: Dār al-Khayl.
- Ibn Mājah, Muḥammad bin Yazid al-Qazwaynī. 1997. *Sunan Ibn Mājah*. al-Sindī, Abī Ḥasan al-Ḥanafī (syarah). Beirut: Dār al-Ma<sup>c</sup>rifah.
- Murtaḍa, Muḥammad bin Muḥammad al-Ḥusaynī. 1994. *Itḥāf al-sādah al-muttaqīm*. Dimashq: Dār al-Fikr.
- Salām, Aḥmad. 1998. *Mā anā<sup>c</sup> alayhi wa aṣḥābī*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.